From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SQS ANJUR PERKONGSIAN ILMU PEMARKAHAN KERJA KURSUS DAN PEPERIKSAAN AKHIR KHUSUS BUAT PENSYARAH BAHARU
Date: Thursday, 17 September, 2026 12:27:25 PM
Attachments: image001.png
image009.png
image006.png
image007.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Siti Nur Ainsyah Ghani


SQS ANJUR PERKONGSIAN ILMU PEMARKAHAN KERJA KURSUS DAN PEPERIKSAAN AKHIR KHUSUS BUAT PENSYARAH BAHARU



UUM ONLINE: Penilaian akademik merupakan tunjang utama dalam mengukur penguasaan ilmu pelajar serta mengekalkan kualiti sesebuah institusi pengajian tinggi, justeru menyedari betapa kritikalnya aspek ini, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) melalui Jawatankuasa Global Online Learning (GOL) telah menganjurkan sesi Perkongsian Ilmu bertajuk "Panduan Pemarkahan Berkesan Bagi Kerja Kursus dan Peperiksaan Akhir".

Program ini dianjurkan khusus buat para pensyarah baharu SQS dan telah dilaksanakan secara atas talian menerusi aplikasi Google Meet. Inisiatif khas ini bertujuan memberikan pendedahan awal serta memperkasa kemahiran penandaan skrip jawapan dan penyediaan skema pemarkahan yang berkualiti dalam kalangan tenaga pengajar baharu yang menyertai SQS.

Sesi penuh berharga ini telah dikendalikan oleh Pensyarah, Yuhaniz Ahmad yang merupakan figura akademik dan panel yang sangat berpengalaman luas dalam penglibatan berkaitan pemarkahan di peringkat Matrikulasi mahupun universiti. Pengalaman luas beliau dalam mengendalikan skrip jawapan pelbagai aras menjadikan perkongsian ini amat praktikal, berimpak tinggi dan membuka minda para pensyarah baharu.




Dalam pembentangan beliau, Yuhaniz menegaskan bahawa pemarkahan akademik bukanlah sekadar rutin memberi gred, sebaliknya ia merupakan satu tanggungjawab moral dan profesional pensyarah.

Beliau menyuarakan peringatan penting mengenai etika penandaan di mana, proses pemarkahan mestilah dilaksanakan secara konsisten, adil, dan telus. Penilaian hendaklah memberi kredit berdasarkan jalan kerja yang betul dan bukannya atas dasar simpati semata-mata.

Menurutnya, prinsip asas pemarkahan berkesan hendaklah berteraskan bukti kerja (*mark evidence*) yang jelas ditunjukkan pada skrip jawapan pelajar dan bukannya berdasarkan andaian atau tafsiran peribadi pensyarah di luar jawapan bertulis pelajar.

Beliau menekankan bahawa dua skrip yang menunjukkan kaedah dan tahap kesalahan yang sama mesti menerima perlakuan pemarkahan yang saksama tanpa wujud sebarang unsur berat sebelah.



Di samping itu, perkongsian ilmu ini turut membedah secara terperinci kod-kod pemarkahan standard yang menjadi tiang seri skema pemarkahan berkesan. Antara kod utama yang dijelaskan kepada para pensyarah baharu merangkumi markah bagi kaedah (*method*) yang betul (M1) serta markah kaedah follow-through (M1√) apabila pelajar meneruskan pengiraan menggunakan kaedah betul dengan nilai daripada langkah sebelumnya. A1 bagi markah jawapan akhir yang tepat. Selain itu, B1 dan R1 merujuk kepada markah bagi pernyataan atau interpretasi yang betul serta rajah atau graf yang memenuhi syarat skema, manakala BOD 1 (*Benefit of Doubt*) adalah penilaian profesional pensyarah berdasarkan pertimbangan rasional tanpa membelakangkan skema asal.

Yuhaniz turut memberikan penekanan khusus terhadap prinsip *follow-through* bagi mengelakkan *double penalty* (hukuman berganda) terhadap kesalahan yang sama. Beliau menjelaskan bahawa sekiranya seseorang pelajar menggunakan kaedah yang betul tetapi membuat kesilapan aritmetik atau algebra di peringkat awal pengiraan, markah kaedah seterusnya (M1√) masih berhak diberikan sepanjang langkah pengiraannya kekal konsisten.

Selain itu, sesi ini turut memperincikan penggunaan penalti khas seperti KKS-1 (Kaedah Tidak Lengkap) apabila jawapan diberikan tanpa jalan kerja yang dipersyaratkan, serta TKP-1 (Tertinggal Langkah Penting) apabila terdapat satu langkah utama yang diabaikan pelajar. Beliau mengingatkan agar pensyarah tidak memotong markah sewenang-wenangnya hanya kerana jawapan nampak kurang kemas selagi keperluan matematik atau statistik dipenuhi.

Menariknya, sesi perkongsian ini turut melengkapi pensyarah baharu dengan pesanan strategik yang amat berguna untuk disampaikan kepada para pelajar semasa menduduki peperiksaan.

Beliau berpesan, "Sebelum menjawab soalan, pelajar dinasihatkan agar meneliti peruntukan markah terlebih dahulu. Hal ini kerana setiap markah yang dinyatakan melambangkan langkah-langkah penting yang wajib ditunjukkan dan ditulis dalam jawapan."

Nasihat ini memperingatkan pelajar bahawa peruntukan markah pada setiap soalan merupakan panduan yang menunjukkan kedalaman jawapan dan jumlah langkah pengiraan yang wajib ditunjukkan. Mengetahui taburan markah akan membantu pelajar mengelakkan

kecuaian tertinggal langkah kunci yang boleh menyebabkan kehilangan markah kaedah (M1) atau dikenakan penalti TKP-1.

Bagi memastikan konsistensi penandaan terutamanya bagi kursus yang dikendalikan oleh ramai pensyarah, Yuhaniz menggariskan keperluan pelaksanaan proses standardisasi skrip.

Beliau menyarankan penyemakan awal dilakukan ke atas 3 hingga 5 skrip contoh yang mewakili pelbagai tahap pencapaian iaitu cemerlang, sederhana, *borderline* dan lemah secara individu terlebih dahulu sebelum diselaraskan menerusi perbincangan bersama. Penelitian juga wajib dilakukan secara terperinci dan bukannya sekadar melihat jumlah markah keseluruhan.

Sesi perkongsian ilmu secara atas talian ini diakhiri dengan harapan agar semua pensyarah baharu SQS dapat mengaplikasikan panduan ini secara berterusan bagi mempertahankan integriti penilaian akademik universiti. Menerusi kefahaman yang mantap dan telus ini, kualiti pengajaran dan pembelajaran di UUM akan terus diperkasa ke aras yang lebih tinggi.





Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.